

HOVID ADAMOL FILM-COATED TABLETS 500MG

Paracetamol (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hovid Adamol Film-Coated Tablets
2. Bagaimana Hovid Adamol Film-Coated Tablets berfungsi
3. Sebelum mengambil Hovid Adamol Film-Coated Tablets
4. Cara mengambil Hovid Adamol Film-Coated Tablets
5. Semasa mengambil Hovid Adamol Film-Coated Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hovid Adamol Film-Coated Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Hovid Adamol Film-Coated Tablets

Hovid Adamol Film-Coated Tablets digunakan untuk melegakan demam dan melegakan kesakitan ringan hingga sederhana termasuk: sakit kepala, migrain, sakit belakang, sakit muskuloskeletal, sakit haid, sakit osteoarthritis, sakit gigi, sakit selepas prosedur pergigian / pencabutan gigi, sakit selepas vaksinasi dan ketidakselesaan akibat selesema, influenza dan sakit tekak.

Bagaimana Hovid Adamol Film-Coated Tablets berfungsi

Hovid Adamol Film-Coated Tablets mempunyai ciri-ciri analgesik (melegakan kesakitan) dan antipiretik (anti demam).

Sebelum mengambil Hovid Adamol Film-Coated Tablets

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Hovid Adamol Film-Coated Tablets jika anda alah kepada paracetamol atau acetaminopen dan bahan-bahan kandungan yang lain.

Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

- Sebelum mula mengambil

Ubat ini mengandungi Paracetamol. Jangan mengambil ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama

Doktor anda perlu tahu jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati sebelum anda mengambil Hovid Adamol Film-Coated Tablets.

Hovid Adamol Film-Coated Tablets perlu diambil dengan berhati-hati jika anda mengambil ubat-ubatan lain yang mengganggu fungsi hati.

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang hamil atau menyusukan bayi. Masalah pada manusia tidak dilaporkan apabila mengambil Hovid Adamol Film-Coated Tablets semasa hamil atau menyusukan bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuk semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, supermarket, atau kedai makanan kesihatan lain.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil Hovid Adamol Film-Coated Tablets dengan kombinasi

alkohol, pendorong enzim hati dan ubat yang diketahui toksik kepada hati. Risiko keracunan hati meningkat dengan pendorong enzim hati dan ubat-ubatan yang diketahui toksik kepada hati.

Cara menggunakan Hovid Adamol Film-Coated Tablets

- Berapa banyak harus diambil

Dewasa (termasuk orang tua) dan remaja berumur 12 tahun ke atas: 500mg sehingga 1000mg paracetamol (1 sehingga 2 tablets), diambil setiap 4 jam ke 6 jam seperti yang diperlukan.

Tidak digalakkan untuk diberikan kepada kanak-kanak berumur kurang 12 tahun.

Minima interval dos: 4 jam

Maksima dos sehari: 4000mg (8 tablets)

- Bila perlu diambil

Ikut arahan label dengan berhati-hati dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu diambil

Ikut arahan label dengan berhati-hati dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat itu pada masa yang dijadualkan seterusnya.

Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan

HOVID ADAMOL FILM-COATED TABLETS 500MG

Paracetamol (500mg)

peluang anda mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diingini.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Seegera hubungi doktor anda atau segera ke hospital terdekat jika anda fikir telah menggunakan terlalu banyak ubat ini.

Gejala pengambilan Hovid Adamol Film-Coated Tablets yang berlebihan boleh dilihat dalam tempoh 24 jam pertama. Antara simptom-simptomnya ialah:

- loya
- muntah
- hilang selera makan
- sakit perut

Kerosakan hati (yang antara symptomsimptomnya adalah rasa sakit, nyeri dan / atau bengkak di kawasan sebelah atas perut) boleh menjadi lebih ketara 12 hingga 48 jam selepas pengambilan ubat.

Dalam kes keracunan yang teruk, kegagalan hati boleh mengakibatkan kegagalan atau kerosakan fungsi otak, koma dan kematian.

Rawatan segera adalah sangat penting dalam pengurusan pengambilan Hovid Adamol Film-Coated Tablets yang berlebihan.

Semasa menggunakan Hovid Adamol Film-Coated Tablets

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doctor anda.

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang

menggunakan Hovid Adamol Film-Coated Tablets.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi Hovid Adamol Film-Coated Tablets dengan sesiapa walaupun mereka mempunyai symptom yang sama.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang masalah lain melainkan atas arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alkohol ketika anda menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat-ubatan mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan-kesan sampingan yang tidak diingini tidak selalu berlaku kepada setiap orang. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda mengambil Hovid Adamol Film-Coated Tablets.

- **Amaran alergi:** Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Antara gejala-gejalanya termasuk kemerahan pada kulit, lepuh atau ruam.

- Gejala-gejala seperti di atas mungkin menunjukkan tanda-tanda keadaan yang serius. Sekiranya tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Hovid Adamol Film-Coated Tablets

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Hovid Adamol Film-Coated Tablets adalah bulat, berukuran 11mm diameter, tablet berwarna putih, mempunyai permukaan cembung, bergarisan dalam di sebelah permukaan dan dicetak "H" di sebelah permukaan lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Paracetamol

- Bahan tidak aktif
Pregelatinized Starch
Sodium Benzoate
Povidone K-30
Colloidal Anhydrous Silica
Purified Talc
Magnesium Stearate

HOVID ADAMOL FILM-COATED TABLETS 500MG

Paracetamol (500mg)

Wincoat WT-TR-5002

Clear Transparent

Purified Water

- MAL number: MAL21016019XCZ

Pengilang

RV Lifesciences Limited

Plot No. H-19, MIDC Waluj,

Chhatrapati Sambhajanagar, 431133,

India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman

(Jalan Kuala Kangsar), 30010 Ipoh,

Perak, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

13/04/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 20/094